

## UMS Terus Main Peranan Bidang Penjagaan Kesihatan di Sabah

Terakhir dikemaskini: Khamis, 05 September 2019 16:36 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 223

Kongsi 0

Syorkan 0

Kongsi

Share



KHAMIS, 5

**SEPTEMBER** – Universiti Malaysia Sabah (UMS) terus memainkan peranan dalam bidang penjagaan kesihatan di negeri ini melalui penganjuran buat julung kalinya Persidangan *International Borneo Healthcare And Public Health (IBPH)* dan *4th Borneo Tropical Medicine and Infectious Disease Congress* yang berlangsung di Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) UMS.

Persidangan tersebut menghimpunkan lebih 200 delegasi pengamal perubatan dari Malaysia serta luar negara termasuk Singapura dan Australia.

Menurut Naib Canselor UMS, Prof. Dr. Taufiq Yap Yun Hin, usaha menghimpunkan para pengamal perubatan dari pelbagai latar belakang dan disiplin perubatan adalah sesuatu yang baik bagi membolehkan para peserta saling berkongsi pengetahuan dan mengemas kini perkara berkaitan bidang kesihatan.

“Para pengamal perubatan perlu berpengetahuan dan mahir terhadap perkembangan teknologi terkini yang berkaitan dalam bidang perubatan, kerana prospek terhadap meningkatkan bidang penjagaan kesihatan menuntut kita untuk menganalisis setiap teknologi baru serta potensi dan manfaatnya.

“Kemajuan dalam bidang perubatan sering memerlukan perubahan minda, dengan penanaman minda yang inovatif yang mampu mengatasi kebijaksanaan konvensional untuk membuat penemuan penting,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan persidangan tersebut di Auditorium Utama, FPSK.

Tambah Prof. Dr. Taufiq Yap, Malaysia merupakan salah satu negara di rantau ini yang mempunyai sistem penjagaan kesihatan yang lebih baik, dengan sistem penyampaian penjagaan kesihatan yang saksama dan boleh

diakses oleh orang ramai serta penyediaan liputan perkhidmatan yang komprehensif telah meningkat.

“Namun, penyakit berjangkit seperti TB, Malaria, demam denggi, HIV/AIDS dan lain-lain masih menimbulkan ancaman besar kepada kita.

“Untuk itu, usaha ke hadapan bagi menangani perkara itu adalah memfokuskan lebih banyak penyelidikan dan inovasi, dan penganjuran persidangan IBPH ini adalah satu platform yang bermanfaat bukan sahaja kepada Malaysia, tetapi kepada semua negara secara umumnya,” ujar beliau.

Hadir sama pada majlis tersebut Dekan FPSK, Prof. Dr. Mohammad Saffree Jeffree; wakil *World Health Organization* untuk Malaysia, Brunei Darussalam dan Singapura, Dr. Ying-Ru Jacqueline Lo; Pengerusi Persidangan, Datuk Dr. Mohd Yusof Ibrahim; dan Presiden Infectious Disease Society Kota Kinabalu, Dr. Timothy William